





Kandungan Contents

02	Visi & Misi <i>Vision & Mission</i>
04	Ahli-Ahli Lembaga <i>Members of The Board</i>
06	Pengurusan Atasan <i>Top Management</i>
07	Perutusan Pengerusi
10	<i>Chairman's Message</i>
13	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif <i>Chief Executive Officer's Message</i>
13	Pencapaian 2020
25	2020 Performance
36	Laporan Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Visi Vision

Untuk menjadi organisasi utama negara dalam menjadikan Pulau Pinang negeri yang kondusif bagi kelestarian pembangunan sosio-ekonomi.


To be the national premier organisation in making Penang a better place for all through sustainable socio-economic development.



Misi Mission

Untuk memenuhi keperluan
pemegang kepentingan PDC
agar selari dengan aspirasi
Kerajaan Negeri.

*To meet our stakeholders' needs
in line with State's aspirations.*



Ahli-Ahli Lembaga Members Of The Board

Setakat 31 Disember 2020 / As At 31 December 2020



YAB Tuan Chow Kon Yeow
Pengerusi / Chairman



YB Dato' Ir Hj Ahmad Zaki Yuddin bin Abd Rahman
Ahli / Member



YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy
Ahli / Member



YB Tuan Jagdeep Singh Deo
a/l Karpal Singh
Ahli / Member



YB Tuan Zairil Khir Johari
Ahli / Member



YBhg. Dato' Seri Lee Kah Choon
Ahli / Member



YB Dato' Haji Abdul Halim
bin Haji Hussain
Ahli / Member



YBhg. Dato' Dr. Mohamad Farazi
bin Johari
Ahli / Member



YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Ahli / Member



YBhg. Dato' Khiruddin bin Said
Ahli / Member




Encik Mohd Sukri bin Mat Jusoh
Ahli / Member



Encik Zulkhairil Amar bin Mohamad
Ahli / Member

Pengurusan Atasan Top Management

Setakat 31 Disember 2020 / As At 31 December 2020



Perutusan Pengerusi



Sepanjang tahun 2020, wabak Covid-19 di Malaysia telah berkembang menjadi krisis kesihatan, sosio ekonomi dan kemanusiaan dengan skala dan kesan yang belum pernah kita alami sebelum ini. Dari segi ekonomi, KDNK Malaysia menyusut sebanyak 5.7% berbanding pertumbuhan yang diunjurkan dan kadar pengangguran Malaysia berada antara 3.8% hingga 5.3% pada tahun 2020.

Pulau Pinang tidak terlepas daripada kesan wabak tersebut. Dua (2) enjin ekonomi utama negeri iaitu sektor perindustrian dan pelancongan telah terkesan secara langsung. Walaupun begitu, Pulau Pinang terus menjadi teguh menghadapi cabaran yang timbul akibat pandemik Covid-19 dan ekonomi global yang lemah.

PDC, sebagai agensi pembangunan utama untuk negeri Pulau Pinang, telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan semua strategi yang digariskan untuk tidak hanya merealisasikan visi dan misinya tetapi juga untuk mewujudkan Visi Penang2030, yang secara amnya berdasarkan kepada empat (4) tema berikut:-

TEMA 1

Meningkatkan daya hidup bagi menambah baik kualiti kehidupan.

TEMA 2

Menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

TEMA 3

Memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat.

TEMA 4

Melabur dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan.

Sepanjang tahun yang dikaji, PDC telah menumpukan perhatian kepada Bandar Cassia, Batu Kawan dan usaha untuk meningkatkan bank tanahnya dengan pelbagai cara seperti pemerolehan tanah, Permintaan Cadangan, dan lain-lain. Pembangunan peluasan Taman Perindustrian Batu Kawan di Changkat/Byram merupakan tumpuan utama. Rancangan untuk taman industri ke-10 dan ke-11 juga sedang disiapkan.

Strategi dan inisiatif Pelan Strategik PDC diarahkan pada projek yang dapat menghasilkan pulangan terbaik dan paling lestari kepada PDC, dalam usaha untuk menjenamakan semula dan mengembalikan kegemilangan PDC. Lebihan yang diperoleh akan membolehkan PDC terus berperanan dalam memenuhi tanggungjawab sosialnya kepada rakyat Pulau Pinang dan meneruskan aspirasinya, sebagai pusat sosio ekonomi terbaik di Malaysia, sejajar dengan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Visi Penang2030.

Justeru itu, PDC merancang setiap komponen untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang yang disasarkan untuk :-

- i. **Meningkatkan bank tanah serta peningkatan pendapatan** dengan penjualan tanah industri dan bukan industri;
- ii. **Penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam** yang mesra untuk penduduk Pulau Pinang serta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi yang komprehensif; dan
- iii. **Mencipta peluang pekerjaan baharu** dengan menyediakan pembangunan sektor harta tanah untuk perniagaan, perumahan yang kondusif, perkhidmatan dan industri.

Semua inisiatif di atas telah berupaya memberi suntikan keseimbangan pertumbuhan pembangunan daerah di negeri Pulau Pinang di samping mengguna pakai potensi dan kelebihan sedia ada daerah bersempadan.

Pelan Strategik PDC disokong oleh tiga (3) teras utama di mana sejumlah projek telah berjaya disiapkan sepanjang tahun yang dikaji.

Pelan Strategik PDC 2019-2023 direka untuk memastikan strategi yang telah dirancang oleh Perbadanan berjalan seiring dengan pelaksanaan projek yang disasarkan. Sesuai dengan peruntukan kemampuan pembiayaan untuk lima (5) tahun, setiap komponen perancangan diteliti dan dianalisis untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri dengan:-

- i. Pengembangan Pelaburan Langsung Asing (FDI) melalui penyediaan dan penjualan tanah perindustrian dan bukan perindustrian;
- ii. Mencipta peluang pekerjaan baharu melalui pembangunan sektor harta tanah di dalam perniagaan, perumahan, perkhidmatan dan industri; dan
- iii. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang mesra rakyat serta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi yang komprehensif.

Semua inisiatif di atas dapat memacu pertumbuhan pembangunan wilayah di Pulau Pinang yang memanfaatkan potensi dan kelebihan di sempadan wilayah yang sedia ada.

Perolehan tanah tambahan di BKIP2 seluas 186.42 ekar juga telah diselesaikan pada bulan Disember 2020. Penambahan ini amat penting untuk mewujudkan akses infrastruktur utama bagi jambatan Sungai Tengah yang menghubungkan Bandar Cassia dengan taman perindustrian baharu ini, serta menyiapkan penyusunan semula sistem komunikasi Koridor Selatan sebagai sasaran industri PDC untuk 5 hingga 10 tahun ke hadapan.

Meskipun dilanda pandemik, PDC telah terus mendorong perkembangan industri, sambil beroperasi di dalam batasan normal dan SOP baharu. Usaha yang penuh kesungguhan dan kreatif ini telah berjaya membuahkan hasil dengan penjualan dan penyewaan tanah industri seluas 146 ekar kepada 16 syarikat seperti di bawah:-

- 7 syarikat di Taman Perindustrian Batu Kawan (108 ekar)
- 8 syarikat di Taman Sains Pulau Pinang Utara (34 ekar)
- 1 syarikat di Taman Sains Pulau Pinang (4 ekar)

Demi memenuhi permintaan pasaran yang berkaitan dengan perkhidmatan yang sejajar dengan harta tanah PDC, dan permintaan yang semakin meningkat untuk ruang pejabat yang dilengkapi dengan MSC dan segala kelengkapan di Pulau Pinang, PDC telah mengembangkan dua (2) projek di kawasan Bayan Baru untuk disewakan kepada Perkhidmatan Perniagaan Global (Syarikat GBS). GBS sebelum ini dikenali sebagai "*Shared Services and Outsourcing*", dan mencakupi empat (4) bidang iaitu pengurusan teknologi maklumat, pengurusan proses pelanggan, perkhidmatan perisian dan pengurusan infrastruktur.

Satu daripadanya ialah bangunan GBS@Mayang yang merupakan MSC Malaysia *Cybercentre*. Lokasinya di tengah-tengah kawasan perniagaan Bayan Baru menjadikannya hab perkhidmatan perniagaan yang ideal. Syarikat-syarikat seperti *Jabil Sdn. Bhd.*, *Swarovski Global Business Services Asia Sdn. Bhd.*, dan lain-lain yang memenuhi lebih dari 86% ruang pejabat di GBS@Mayang telah menawarkan 1,200 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Projek lain yang berfokuskan GBS yang juga telah disiapkan adalah GBS@Mahsuri, yang terletak berdekatan dengan bangunan pejabat PDC. Ia adalah blok bangunan pejabat 2 tingkat dengan luas bersih 80,000 kaki persegi. Seluruh ruang pejabat GBS@Mahsuri telah disewakan kepada syarikat produk dan perkhidmatan teknologi seperti *Cisco Systems (M) Sdn. Bhd.*, *Clarivate (Malaysia) Sdn. Bhd.* dan lain-lain.

Selain daripada aktiviti sokongan di BKIP, PDC juga aktif mempromosikan pembangunan industri di Taman Sains Pulau Pinang Utara (PSPN) untuk industri makanan dan am yang juga merangkumi industri lain yang dipromosikan seperti Elektrik & Elektronik (E&E), Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (EMS), Peranti Perubatan, Aeroangkasa, Semikonduktor, Automotif dan aktiviti lain yang berkaitan.

Peranan PDC dalam pembangunan IKS di negeri Pulau Pinang adalah melalui pembinaan projek Perkampungan SME Fasa 4A, yang terdiri daripada 20 unit kilang berkembar di Taman Perindustrian Batu Kawan yang telah siap sepenuhnya manakala Sijil Penyiapan dan Pematuhan telahpun diperolehi pada 24 Januari 2020.

Peranan PDC sebagai Pengurus Projek Negeri berdasarkan pengalamannya yang luas dan kapasiti dalam pelbagai aspek adalah penting untuk memastikan kejayaan dalam menyiapkan beberapa projek Negeri, iaitu Perkampungan Tok Subuh (kini dikenali sebagai Desa Kampung Tok Subuh), Kampung Kepala Gajah (kini dikenali sebagai Taman Sejahtera Rakyat) dan Dewan Bankuet Ampang Jajar.

PDC juga berjaya menyelesaikan atau meneruskan pembinaan projek perumahan mampu milik berikut untuk Negeri:-

- i. Projek Dua Residensi di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya
- ii. Residensi Jiran, Kampung Jawa, Seberang Perai Utara
- iii. Residensi Cecil di Jalan Pintasan Cecil, Georgetown, Daerah Timur Laut
- iv. Pangsapuri Kos Rendah di Mak Mandin, Seberang Perai Utara
- v. Perumahan Kluster di Ladang Byram, Seberang Perai Selatan

PDC terus menyelenggara dan menambah baik bangunan Komtar secara berperingkat. Operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) telah dimulakan di Komtar pada tahun yang dikaji. Operasi UTC adalah sebahagian daripada usaha PDC dalam menghidupkan semula aktiviti di bangunan ikonik tersebut. Aktiviti akan dijalankan secara menyeluruh apabila SOP mengizinkan.

PDC juga terus memainkan peranannya dalam membantu usahawan dengan menguruskan Skim Pinjaman Harapan (SPH) pada tahun yang dikaji. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan sehingga tahun 2020 berjumlah RM20.14 juta, yang telah diluluskan kepada 3,634 peminjam di semua daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2009. PDC juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai program/acara/kursus untuk membantu dan membimbing usahawan.

Di samping semua usaha yang tersebut di atas, PDC juga telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM1.0 juta kepada Dana Covid Negeri untuk membantu dalam usaha memerangi wabak tersebut. PDC juga dilantik sebagai agensi pelaksana skim pinjaman khas Negeri yang dirancang untuk membantu mereka yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 iaitu Skim PEKA PKS dan Skim PEKA Sektor Pelancongan.

Pengurusan PDC turut memberi tumpuan kepada melatih dan melatih semula kakitangannya dengan objektif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Kakitangan adalah aset yang paling berharga - mereka berperanan besar dalam usaha mewujudkan Visi dan Misi termasuk Pelan Strategik yang ditentukan.

Saya yakin bahawa semua yang telah dirancang akan dilaksanakan dan disempurnakan dengan penuh komitmen untuk rakyat Pulau Pinang. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kami ke atas semua sokongan dan keyakinan yang diberikan kepada PDC selama tahun yang dikaji.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Anggota Lembaga Pengarah PDC, Anggota Pasukan Petugas KPI, Anggota Jawatankuasa Audit, Pengurusan PDC serta kakitangan ke atas komitmen dan usaha mereka dalam merancang dan melaksanakan projek untuk rakyat Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

YAB TUAN CHOW KON YEOW
Pengerusi
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Chairman's Message

Over the course of 2020, the Covid-19 pandemic in Malaysia has evolved into a health, socio economic and humanitarian crisis of unprecedented scale and impact. Economically, the Malaysian GDP shrunk by 5.7% instead of the projected growth and Malaysia's unemployment rate hovered between 3.8% and 5.3% in 2020.

Penang was not spared the effects of the pandemic. The two (2) main economic engines of the State, industrial and tourism sectors, were directly hit. Notwithstanding this, Penang continued to soldier through the challenges brought about by the Covid-19 pandemic and weak global economy.

PDC, as the premier development agency for the State of Penang, works hand in hand with the State Government in implementing all of its strategies outlined to not only realise its vision and mission but also to realise the vision of Penang2030, which is broadly based on the following four (4) themes:-

THEME 1

Increase liveability to enhance quality of life

THEME 2

Upgrade the economy to raise household incomes

THEME 3

Empower people to strengthen civic participation

THEME 4

Invest in the built environment to improve resilience

During the year under review PDC concentrated on Bandar Cassia, Batu Kawan and the efforts to increase its land bank via various means i.e. land acquisition, Request For Proposals, and etc.. The development of the extension of Batu Kawan Industrial Park at Changkat/Byram was the focus. Plans for a 10th and 11th industrial parks are also underway.

The strategies and initiatives of the PDC Strategic Plan are geared towards projects which can generate the best and most sustainable returns to PDC, in an effort to rebrand and restore the glory of PDC. The surplus gained will enable PDC to continue to play a role in fulfilling its social obligations to the people of Penang and further its aspirations, as the best socio economic centre in Malaysia, in line with the Penang State Government's direction of Penang2030.

In line with this, PDC plans each component to support the economic growth of the state of Penang targeted to:

- i. Increase **land bank as well as increase in revenue** with the sale of industrial and non-industrial lands;
- ii. **Provision of friendly infrastructure and public facilities** for the people of Penang as well as comprehensive high speed broadband facilities; and

- iii. **Creating new employment opportunities** by providing real estate sector development in business, conducive housing, services and industry.

The PDC Strategic Plan is underpinned by three (3) main thrusts which throughout the year under review, a number of projects were completed successfully.

The PDC Strategic Plan 2019-2023 is created to ensure that the Corporation's planned strategies work in line with the implementation of the targeted projects. In accordance with the allocation of the 5-year financing capabilities, each planning component is examined and analysed to further support the State's economic growth by:

- i. Foreign Direct Investment (FDI) expansion through the provision and sale of industrial and non-industrial land;
- ii. Creating new employment opportunities through the development of the real estate sector in business, housing, services and industry; and
- iii. Provision of public-friendly infrastructure and facilities along with comprehensive high-speed broadband facilities.

All of the above initiatives are able to spur growth in the regional development in Penang which utilises the potential and advantages of existing border areas.

The acquisition of additional land at BKIP2 of 186.42 acres was also completed in December 2020. This additional land is vital to create major infrastructure access of the new Sungai Tengah bridge which connects Bandar Cassia to this new industrial park, as well as completing the realignment of the Southern Corridor communication system as PDC's industrial target for the next 5 to 10 years.

Even with the pandemic, PDC continued its push for industrial development, working within the confines of the new norm and SOPs. This creative hard work, bore fruit with the selling and leasing of 146 acres of industrial land to 16 companies as below:-

- 7 companies in Batu Kawan Industrial Park (108 acres)
- 8 companies in North Penang Science Park (34 acres)
- 1 company in Penang Science Park (4 acres)

In meeting the market demand related to services aligned to PDC's property, and in line with the growing demand for MSC-equipped and fully equipped office space in Penang, PDC has developed two projects in the Bayan Baru Area for lease to Global Business Services (GBS) companies. GBS is formerly known as "Shared Services and Outsourcing", and covers four areas namely information technology management, customer process management, software services and infrastructure management.

One of them is the GBS@Mayang building which is a MSC Malaysia Cybercentre. Its location in the heart of the Bayan Baru business district has made it an ideal business services hub. Companies such as Jabil Sdn. Bhd., Swarovski Global Business Services Asia Sdn. Bhd., and others that fill over 86% of the office space at GBS@Mayang have offered 1,200 high-income job opportunities.

Another GBS focused project that has been completed is GBS@Mahsuri, which is located adjacent to the PDC office building. It is a 2-storey office building block with a nett area of 80,000 square feet. The entire GBS@Mahsuri office space has been leased to technology product and services companies such as Cisco Systems (M) Sdn Bhd, Clarivate (Malaysia) Sdn Bhd and others.

Apart from the supporting activities at BKIP, PDC is also actively promoting the industrial development at the Penang Science Park North (PSPN) for the food and general industries which also include other promoted industries such as Electrical & Electronics (E&E), Electronics Manufacturing Services (EMS), Medical Devices, Aerospace, Semiconductor, Automotive and other related activities

PDC's role in the development of SMIs in the State was by way of the construction of the SME Village Phase 4A project, comprising 20 units of semi-detached factories at Batu Kawan Industrial Park which are fully completed and the Certificate of Completion and Compliance was obtained on 24 January 2020.

PDC's role as Project Manager for the State based on its vast experience and multi-faceted capacity is important to ensure the successful completion of some State projects, namely Perkampungan Tok Subuh (now known as Desa Kampung Tok Subuh), Kampung Kepala Gajah (now known as Taman Sejahtera Rakyat) and the Ampang Jajar Banquet Hall.

PDC also successfully completed or is continuing the construction of the following affordable housing projects for the State:-

- (i) Dua Residensi project at Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya
- (ii) Jiran Residensi, Kampung Jawa, Seberang Perai Utara
- (iii) Cecil Residency at Jalan Pintasan Cecil, Georgetown, Daerah Timur Laut
- (iv) Low Cost Apartments at Mak Mandin, Seberang Perai Utara
- (v) Cluster House at Ladang Byram, Seberang Perai Selatan

PDC continues to maintain and upgrade Komtar in phases. Komtar also saw the commencement of the Urban Transformation Centre's (UTC) operations during the year under review. The UTC's operations is part of PDC's efforts to revive activities in the iconic building. Activities will be carried out full scale when the SOPs allow.

PDC also continued to play its role in assisting entrepreneurs by managing the Skim Pinjaman Harapan (SPH) during the year under review. The total loans disbursed up to 2020 amounted to RM20.14 million, which were approved to 3,634 borrowers in all districts in Penang since 2009. PDC also planned and implemented a whole range of programmes/events/courses to assist and guide the entrepreneurs.

Notwithstanding all these efforts, PDC also contributed RM1.0 million to the State's Covid Fund to further assist the State in its efforts to battle the pandemic. PDC was also appointed as the implementation agency for the State's special loan schemes devised to assist those affected by the Covid-19 Pandemic namely the *Skim PEKA PKS* and the *Skim PEKA Sektor Pelancongan*.

The PDC management also placed focus on training and retraining its staff with the objective of increasing their skills and knowledge. Its staff are its most prized asset – they play a big role in its efforts to realise its Vision and Mission including its determined Strategic Plan.

I am certain that all which have been planned will be executed and implemented with great commitment for the people of Penang. Finally, I would like to record our appreciation for all the support and confidence accorded to PDC during the year under review.

I would also like to extend my gratitude and appreciation to PDC Board Members, KPI Task Force Members, Audit Committee Members, PDC Management as well as the staff for their commitment and hard work in planning and implementing projects for the people of Penang.

Thank you.

YAB TUAN CHOW KON YEOW
Chairman
Penang Development Corporation

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Chief Executive Officer's Message



2020 merupakan tahun yang mencabar dengan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia dan juga negara. Di sebalik cabaran yang timbul berserta keadaan ekonomi yang baru mula langkah-langkah pemulihan, PDC dengan kreatifnya telah terus bertahan dengan pelan dan strategi bagi pembangunan negeri.

Pihak Pengurusan PDC telah mengkaji semula semua pelan sepanjang tahun yang dikaji untuk menyesuaikan dengan sentimen dan senario ekonomi pada waktu ini. Dengan kajian semula ini dan komitmen untuk meneruskan usaha dalam norma baharu, PDC telah berjaya mencatatkan pencapaian kewangan yang sihat dan juga telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk tahun yang dikaji.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya Pulau Pinang & Seberang Perai serta jabatan dan agensi kerajaan lain yang sentiasa menyokong usaha PDC sepanjang tahun.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga PDC dan jawatankuasa kecilnya yang sentiasa menyokong pihak Pengurusan PDC dalam merancang dan melaksanakan strategi serta tindakan yang dirancang demi merealisasikan Visi, Misi dan Pelan Strategik PDC untuk pembangunan Pulau Pinang.

DATO' MOHD BAZID BIN ABD KAHAR
Ketua Pegawai Eksekutif

2020 was a challenging year with the resurgence of the Covid-19 pandemic worldwide and nationwide. Notwithstanding the challenges which resurfaced with the economy just starting to breathe, PDC creatively persevered on with its plans and strategies for sustainable development for the State.

The PDC management had reviewed its plans during the course of the year to fit its plans into the sentiment and economic scenario of the time. With this review and commitment to push on within the new norm, PDC recorded a healthy financial achievement for the year under review and saw it achieving its targets.

Once again, I would like to put on record my appreciation to the State Government, the City Hall of Pulau Pinang & Seberang Perai and other government departments and agencies which have been very supportive of PDC's efforts throughout the year.

Finally, I would like to thank the PDC Board and its sub-committees which have strongly supported the PDC Management and in planning and implementing strategies and actions designed to realise PDC's Vision, Mission and Strategic Plan for the development of Penang.

DATO' MOHD BAZID BIN ABD KAHAR
Chief Executive Officer

Pencapaian 2020

Ahli-ahli Lembaga PDC yang seramai 12 orang telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun yang dikaji untuk membincangkan, merancang, menyusun strategi dan mengkaji item tindakan untuk tahun tersebut bagi memastikan PDC memainkan peranannya sebagai agensi pembangunan sosioekonomi utama Negeri dengan sepenuh kemampuannya, sebagai menyahut cabaran menangani pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, PDC mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM150.4 juta berbanding dengan tahun 2019 iaitu sejumlah RM110.3 juta dengan peningkatan 36.4%. Sebab utama peningkatan keuntungan sebelum cukai adalah dari peningkatan nilai saksama pelaburan hartanah sejumlah RM31.7 juta.



Secara kumpulan, keuntungan sebelum cukai adalah sejumlah RM156.3 juta berbanding tahun 2019 iaitu sejumlah RM132.0 juta dengan peningkatan sebanyak 18.4%.

Setakat 31 Disember 2020, jumlah aset bersih PDC dan Kumpulan adalah sebanyak RM2.68 bilion dan RM2.72 bilion masing-masing.

PELAN STRATEGIK PDC 2019-2023

Sejajar dengan apa yang telah dialami oleh dunia, 2020 adalah tahun yang mencabar bagi PDC. Ini kerana Malaysia dan dunia harus berperang dengan ancaman pandemik Covid-19 dan terpaksa menghadapi suasana norma kerja baharu seperti Perintah Kawalan Pergerakan dan sebagainya.

Namun demikian, pelaksanaan Pelan Strategik PDC 2019-2023 telah menjadi petunjuk bagi PDC dalam tempoh jangka pendek sehingga jangka panjang, walaupun situasi sekarang memerlukan pelaksanaan pelan ini diteliti semula. Oleh yang demikian, garis masa bagi projek-projek yang telah dirancang turut memerlukan pindaan berdasarkan kajian 'Economic Outlook' yang dikeluarkan oleh pakar-pakar ekonomi.

Strategi dan inisiatif-inisiatif Pelan Strategik PDC yang diketengahkan lebih menjurus kepada projek-projek yang dapat menjana pulangan terbaik dan mampan kepada PDC dalam usaha penjenamaan semula serta mengembalikan kegemilangan PDC. Hasil keuntungan yang diperolehi akan membolehkan PDC terus berperanan memenuhi obligasi sosial kepada rakyat Pulau Pinang dan seterusnya sebagai pusat sosioekonomi terbaik di Malaysia selaras dengan halatuju Kerajaan Negeri yang baharu iaitu Penang2030.

Selaras dengan peruntukan keupayaan PDC, setiap komponen perancangan diteliti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang bagi:

- i. **Penambahan bank tanah serta peningkatan hasil** dengan penjualan tanah-tanah industri dan bukan industri;
- ii. **Penyediaan infrastruktur serta kemudahan awam mesra rakyat** bagi penduduk Pulau Pinang berserta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menyeluruh; dan
- iii. **Mewujudkan peluang pekerjaan baharu** dengan menyediakan pembangunan sektor hartanah dalam perniagaan, perumahan kondusif, perkhidmatan dan perindustrian.

Pelan Strategik PDC ditunjangi oleh tiga (3) teras utama dan sepanjang tahun 2020, terdapat beberapa pencapaian projek di bawah teras-teras yang dirangka yang mana pelaksanaan projek-projek tersebut memberi pulangan dari segi hasil serta menaikkan imej PDC sendiri.

TERAS 1

Mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu

Fokus utama inisiatif pembangunan hartanah PDC adalah penerusan pembangunan Bandar Cassia, Batu Kawan sebagai bandar ketiga untuk negeri Pulau Pinang. Dalam penyediaan keperluan komponen pembangunan, pada tahun 2020, PDC telah menyempurnakan pengambilan tanah melalui Kerajaan Negeri iaitu pengambilan tanah di Changkat / Byram seluas 1,349.56 ekar bagi tujuan pembangunan taman perindustrian yang baru sebagai pengembangan kepada Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) sedia ada. Ini seterusnya dapat meningkatkan bank tanah bagi permintaan perindustrian dan rancangan prasarana moden di Pulau Pinang serta memangkin peningkatan sosio ekonomi rakyat di Pulau Pinang.

TERAS 2

Pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi bagi peningkatan nilai aset

Dari aspek meningkatkan nilai aset PDC, tumpuan PDC adalah lebih kepada meneroka peluang-peluang perniagaan baharu dan melaksanakan projek-projek yang lebih berimpak tinggi di sekitar Pulau Pinang.

Bagi tahun 2020, PDC telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Hab Perubatan sebagai satu langkah untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan memberi tarikan pelaburan ke dalam industri ini. Justeru itu, PDC giat menjalankan usahasama bersama pelabur bagi perancangan pembinaan Hospital Kerajaan dan aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan di Bandar Cassia, Batu Kawan. Ini seterusnya dijangkakan dapat memberi manfaat kepada penduduk di Bandar Cassia bagi penyediaan perkhidmatan perubatan yang komprehensif.

Satu lagi projek berimpak tinggi yang diceburi oleh PDC adalah usahasama bersama Malaysia Airport Holdings Sdn Berhad (MAHSB) bagi merancang serta mengkaji kebolehlaksanaan pembesaran lapangan terbang untuk penambahan ruang aktiviti logistik seluas 80 ekar bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang demi memenuhi keperluan peningkatan transaksi dagang dan permintaan kargo yang tinggi di Pulau Pinang.

PDC turut memberi tumpuan kepada perniagaan teras sedia ada dalam membina projek-projek perumahan baharu dan komersil yang berimpak tinggi di sekitar Pulau Pinang. PDC tetap meneruskan usaha mempelbagaikan produk untuk rakyat tanpa mengeneipkan keperluan pembinaan projek Perumahan Mampu Milik di lokasi-lokasi strategik di seluruh Pulau Pinang.



Pelebaran Jalan Perindustrian Valdor



Lingkar Cassia Barat



Pelebaran Jambatan Batu Kawan

TERAS 3

Penggerak bagi inisiatif Kerajaan Negeri

PDC telah berjaya menjalankan peranannya sebagai Pengurus Projek, dan juga perunding untuk projek-projek berikut:

- (i) Perkampungan Tok Subuh (kini dikenali sebagai Desa Kampung Tok Subuh) yang terdiri daripada 39 unit rumah teres seluas 700 kaki persegi. Pembinaan telah disempurnakan pada bulan Disember 2020. Projek ini merupakan projek perumahan penempatan semula yang dijanjikan oleh Kerajaan kepada keluarga yang terlibat di kawasan ini
- (ii) Kampung Kepala Gajah (kini dikenali sebagai Taman Sejahtera Rakyat) yang terdiri daripada 41 unit rumah teres seluas 700 kaki persegi. Pembinaan masih berjalan pada tahun yang dikaji
- (iii) Dewan Bankuet Ampang Jajar merupakan sebuah dewan bankuet dengan keluasan 220,000 kaki persegi dan adalah sebuah projek khas bagi negeri Pulau Pinang yang dirancang dan dibina di bawah perkhidmatan Pengurusan Projek PDC. Dewan ini dijangka menampung sebanyak 3000 tempat duduk setiap jamuan dan akan menjadi lokasi untuk pelbagai acara. Dewan bankuet ini dijangka siap pada Disember 2021.


Tahun 2020 telah menyaksikan kemajuan projek-projek perumahan mampu milik seperti di bawah:-

- (i) Projek Dua Residensi di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya telah mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*) pada 27 Julai 2020. Manakala Majlis Penyerahan Kunci (*Vacant Possession - VP*) kepada pembeli-pembeli telah dibuat pada 28 September 2020. Projek ini mempunyai 346 unit untuk 700 kaki persegi untuk, dan pangapuri kos sederhana sebanyak 174 unit untuk 850 kaki persegi dan 174 unit untuk 1000 per segi dan 7 unit kedai.
- (ii) Jiran Residensi di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara dalam proses permohonan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*) yang dijangka akan diperolehi pada Januari 2021 dan Pemilikan Kosong (*Vacant Possession - VP*) pula dijangka pada Februari 2021.
- (iii) Projek-projek lain yang dalam pembinaan adalah Cecil Residency di Jalan Pintasan Cecil, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pangapuri Kos Rendah di Mak Mandin, Seberang Perai Utara dan Rumah Kluster di Ladang Byram, Seberang Perai Selatan. Perincian projek-projek tersebut adalah seperti berikut :

Bil.	Projek	Jumlah Unit	Jenis	Mula Projek	CCC
1.	Cecil Residency	348	Kos Sederhana Rendah	November 2018	Disember 2022
2.	Mak Mandin	187	Kos Rendah	Julai 2020	Disember 2022
3.	Ladang Byram	68	Rumah Kluster	Oktober 2020	Oktober 2023

- (i) Projek Wisma Yeap Chor Ee yang akan diambil alih oleh Ketua Menteri Diperbadankan (CMI),
- (ii) Projek Sia Boey kepada Kerajaan Negeri dan;
- (iii) Projek Stadium Batu Kawan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

Bagi memastikan kelestarian PDC dan peningkatan produktiviti yang lebih baik, pembangunan modal insan yang menitikberatkan imej korporat dan budaya kerja yang positif serta penambahbaikan proses dan sistem sedia ada di PDC turut dilaksanakan secara berterusan.



Cadangan Tebus Guna Tanah Dari Jambatan Pertama Pulau Pinang Hingga Ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Dari segi Komunikasi dan Imej Korporat pula, pada tahun 2020, turut dilaksanakan hebahhan mengenai penjenamaan semula berkaitan PDC dan projek-projek PDC melalui media massa dan media sosial contohnya dengan memuatnaik secara terus di Facebook, pos-pos Facebook, temuramah media (The Star), temuramah Media (TV3 & 8TV) dan Majalah International Business Review.

AKTIVITI PDC DALAM USAHA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH

Secara umumnya kemajuan kegiatan ekonomi sesebuah negeri diukur dengan berapa banyak pembangunan yang dilakukan oleh negeri tersebut. Satu daripada matriks tersebut adalah di bidang pembangunan hartanah, sektor pembangunan hartanah di Pulau Pinang turut terkesan akibat pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai satu usaha dalam memutuskan rantai penularan wabak tersebut secara tidak langsung telah memperlambatkan proses pertumbuhan sektor ini.

Usaha-usaha dalam menghadapi cabaran pembangunan hartanah bagi negeri Pulau Pinang khususnya PDC di sepanjang tahun 2020 diteruskan dengan mengikuti segala arahan yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari sudut penjagaan prosedur operasi standard (*SOP*). Sepanjang tahun 2020, fokus pembangunan fizikal PDC telah memberi keutamaan kepada pembangunan tanah-tanah baharu PDC di Pulau Pinang. Pelbagai usaha merancang dan menyelaras projek pembangunan giat dijalankan dalam tahun 2020



Kerja-Kerja Pematongan Tanah Atas Sedia Ada - Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal



Kerja-Kerja Pembersihan Tapak - Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal

yang merangkumi projek pembangunan tebus guna tanah di kawasan Pulau serta pembangunan bank tanah sedia ada di selatan Bandar Cassia yang dikenali sebagai *Batu Kawan Industrial Park 2 (BKIP2)*.

Melalui usaha ini, PDC telah mengiklankan dua projek Request for Proposal (RFP) baharu iaitu:

Bil	Tajuk	Tarikh Iklan	Tarikh Tutup
1	RFP Tebus Guna Tanah dari Bulatan Queensbay hingga ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	3 Ogos 2020	26 November 2020
2	RFP Pembangunan Bercampur seluas 114 ekar di Bandar Cassia	10 Ogos 2020	12 Oktober 2020

Kaedah panggilan RFP secara tidak langsung telah memperluaskan pasaran dan kaedah pembangunan hartanah di Pulau Pinang dengan penglibatan sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan modal pusingan yang kukuh. Penjana pembangunan tebus guna tanah ini dijangkakan dapat memberi imej baharu ke atas landskap kawasan pulau, Pulau Pinang seterusnya menjana ekonomi negeri sebaik sahaja pandemik Covid-19 ini berjaya ditangani.

RFP Tebus Guna Tanah dari Bulatan Queensbay hingga ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah telah mendapat sambutan penyertaan yang baik meskipun RFP ini dibuka dalam tempoh kemuncak cabaran pandemik Covid-19 melanda negara manakala bagi RFP Pembangunan Bercampur seluas

114 ekar di Bandar Cassia pula, penyertaan pelabur adalah rendah.

Kriteria perancangan RFP ini telah mengambil kira kesesuaian lokasi, corak pembangunan gunatanah sedia ada serta keperluan komponen pembangunan yang sesuai. Ini menunjukkan Pulau Pinang masih menjadi destinasi pelaburan hartanah di Malaysia berdasarkan faktor lokasinya yang strategik.

Pelan Induk Perindustrian Byram (BKIP2) telah dirancang oleh PDC meliputi kawasan seluas kira-kira 1,304 ekar bagi memenuhi keperluan pelabur masa hadapan di negeri Pulau Pinang. Kerja-kerja tanah sedang dilaksanakan bagi Fasa 1 & 2 pembangunan di BKIP2.

Pengambilan tanah tambahan di BKIP2 seluas 186.42 ekar juga telah disempurnakan pada Disember 2020. Tanah tambahan ini adalah sangat penting bagi mewujudkan akses infrastruktur utama jambatan baharu Sungai Tengah yang menghubungkan Bandar Cassia ke taman perindustrian baharu ini serta melengkapkan jaringan sistem perhubungan Koridor Selatan sebagai sasaran perindustrian PDC dalam tempoh 5 hingga 10 tahun yang akan datang.

Bagi meneruskan momentum pembangunan di Bandar Cassia, PDC turut merancang untuk membangunkan projek pemangkin yang dapat memberikan impak kepada perkembangan ekonomi negeri yang terdiri daripada Projek Pembangunan Hub Perubatan dan Kesihatan, Projek Pembangunan Eko-Pelancongan dan beberapa projek yang masih di peringkat kajian bagi tahun 2020. Projek yang



Kerja-Kerja Tanah Sedang Dijalankan - Ladang Byram, Nibong Tebal



Kerja-Kerja Struktur Sedang Dijalankan Untuk Level 1 - Mak Mandin, Butterworth



Kerja-kerja Struktur Sedang Dijalankan Untuk Tingkat 2 Cecil Residency, Georgetown



Jiran Residensi, Kampung Jawa

dikenalpasti ini diyakini akan memberi suntikan pembangunan baharu ke arah melengkap Bandar Cassia sebagai sebuah Bandar yang berdaya maju dan seterusnya membawa Koridor Selatan setara dengan daerah lain di negeri Pulau Pinang.

Semua inisiatif Pembangunan Dan Pengurusan Tanah di atas telah berupaya memberi suntikan keseimbangan pertumbuhan pembangunan daerah di negeri Pulau Pinang di samping mengguna pakai potensi dan kelebihan sedia ada daerah-daerah bersempadan.

Untuk menyokong usaha pembangunan harta tanah PDC, PDC Nusabina Sdn Bhd (PDCN) telah diperbadankan pada 24 September 1980 sebagai syarikat kontraktor. Sebagai syarikat Kontraktor Pembinaan Bangunan dan Kejuruteraan Awam, setakat ini PDCN telah menyiapkan pelbagai jenis projek termasuk bangunan kediaman sehinggalah bangunan komersil dan kerja-kerja infrastruktur, yang mencerminkan kemampuan dan kecanggihannya dalam pembangunan aset harta tanah tersebut.

Visi PDCN adalah untuk menjadi sebuah kontraktor utama yang berwibawa di rantau ini. Misinya pula adalah menyediakan pengurusan yang cekap dan perkhidmatan berdasarkan kos berkesan, di samping menjaga tahap kualiti kerja serta mempraktikkan langkah-langkah keselamatan projek di tapak binaan. PDCN telah memanfaatkan kemahiran kakitangan pengurusan yang berpengalaman, di mana PDCN memastikan projek pembinaan dapat dikendalikan dengan baik.

Projek-projek yang telah dan sedang dikendalikan oleh PDCN sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:-

1. Cadangan Perumahan Untuk Penempatan Semula Penduduk Ladang Byram di atas Sebahagian Lot 7578, Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal, Mukim 11, Seberang Perai Selatan yang telah bermula pada 6 Oktober 2020 dan dijangka siap dalam masa 2 tahun. Pembangunan ini merangkumi: -
 - A) 68 Unit Rumah Kluster Kos Rendah Setingkat
 - B) Bangunan Sekolah Setingkat
 - C) Bangunan Kuil Setingkat
2. Membina dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Pejabat 2 Tingkat yang dikenali sebagai GBS @ Mahsuri dan Menyusun Semula Tempat Letak Kereta Sedia ada di Atas Sebahagian Lot 9562, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Pembangunan ini dimulakan pada 17 Jun 2019 dan disiapkan pada 31 Ogos 2020.

Pembangunan Industri sebagai Enjin Pertumbuhan

Seiring dengan pembangunan harta tanah, PDC terus mendorong perkembangan industri walaupun terdapat cabaran timbul akibat pandemik Covid-19. Had penjarakan fizikal dan sekatan perjalanan tidak menghalang PDC untuk menjual dan memajak sebanyak 146 ekar tanah perindustrian kepada 16 buah syarikat seperti berikut:

- 7 buah syarikat di Taman Perindustrian Batu Kawan (108 ekar),
- 8 buah syarikat di Penang Science Park North (34 ekar) dan
- 1 buah syarikat di Penang Science Park (4 ekar).

Selain itu, Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) dan Utara Penang Science Park (PSPN) menjadi tumpuan syarikat antarabangsa (MNC) yang memilih taman perindustrian ini sebagai destinasi pelaburan pilihan mereka walaupun keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Ini dapat dibuktikan oleh syarikat-syarikat MNC yang memilih BKIP dan PSPN bagi mengembangkan aktiviti perniagaan mereka. Antara syarikat-syarikat yang memilih Pulau Pinang sebagai tapak mereka adalah seperti berikut:-

1. Lam Research International Sdn Bhd dari Amerika Syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 Companies dan terlibat dalam 'Pembuatan peralatan semikonduktor' dan dijangka mampu menjana sejumlah 225 peluang pekerjaan bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 34 ekar di BKIP.
2. Robert Bosch Semiconductor Manufacturing Penang Sdn. Bhd., sebuah syarikat Jerman dengan tujuan untuk memperluaskan bidang perniagaan mereka iaitu 'Ujian



GBS @ Mahsuri building drone

akhir semikonduktor untuk bahagian elektronik automotif. Robert Bosch dijangka mampu menjana 203 peluang pekerjaan bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 25 ekar di BKIP.

3. Dexcom Malaysia Sdn. Bhd. dari Amerika Syarikat dengan aktiviti 'Pembuatan alat perubatan' akan mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 28 ekar di BKIP.
4. Ultra Clean Technology (UCT) dari Amerika Syarikat yang menjalankan 'Pembuatan peralatan khas semikonduktor' dijangka mampu menjana sejumlah 221 peluang pekerjaan bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 12.1 ekar di BKIP.

Selain aktiviti sokongan yang lebih tertumpu di BKIP, PDC juga giat mempromosi pembangunan industri di PSPN untuk industri makanan, industri am dan aktiviti industri lain yang berkaitan. Sebahagian daripada syarikat-syarikat yang ditempatkan di PSPN turut menyokong operasi syarikat-syarikat MNC di BKIP. Ini sekaligus menjadikan PSPN antara kawasan perindustrian yang menjadi tumpuan bagi kilang-kilang seperti Ultimate Mechanical System Sdn. Bhd., Dolphin Manufacturing Solutions Sdn. Bhd. dan Scandinavian IBS Sdn. Bhd.

Memandangkan permintaan tanah industri yang semakin meningkat, PDC giat memperluaskan 'bank tanah' bagi tanah industri dengan pengambilan kawasan industri baharu iaitu di selatan BKIP yang dinamakan sebagai BKIP2 dan fasa pertama dijangka siap dalam tempoh 2 hingga 3 tahun lagi.

Dalam memenuhi permintaan pasaran yang berkaitan dengan perkhidmatan yang sejajar dengan hartanah PDC, dan selari dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap ruang pejabat yang lengkap dengan kemudahan bertaraf MSC di Pulau Pinang, PDC telah membangunkan dua projek di Kawasan Bayan Baru untuk disewakan kepada syarikat-syarikat "Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services)". GBS sebelum ini dikenali sebagai

"Perkhidmatan Berkongsi dan Penyumberluaran (Shared Services and Outsourcing)", serta meliputi empat bidang iaitu pengurusan teknologi maklumat, pengurusan proses pelanggan, perkhidmatan perisian dan pengurusan infrastruktur.

Satu daripadanya ialah bangunan GBS@Mayang yang bertaraf MSC Malaysia Cybercentre. Lokasinya yang terletak di tengah-tengah kawasan perniagaan Bayan Baru telah menjadikannya hab perkhidmatan perniagaan yang sangat ideal. Syarikat-syarikat seperti Jabil Sdn. Bhd., Swarovski Global Business Services Asia Sdn. Bhd., dan lain-lain yang memenuhi lebih 86% ruang pejabat di GBS@Mayang telah menawarkan 1,200 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Aktiviti penyewa-penyewa termasuk Perakaunan & Kewangan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Rantaian Bekalan, Pembelian Berpusat, Litar Bersepadu (IC), Reka Bentuk dan Perundingan dan sebagainya.

Aset tidak ketara tidak lagi diiktiraf apabila ia dilupuskan atau apabila tidak ada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa dan dikira dalam keuntungan atau kerugian.

3.6 Muhibah dan Pembelian Tawar-menawar

Kumpulan dan Perbadanan tidak mengiktiraf muhibah dalaman.

Dalam gabungan perniagaan yang diambil kira di bawah kaedah pemerolehan, muhibah yang dibeli diiktiraf sebagai aset pada tarikh pengambilalihan dan diukur pada harganya, yang merupakan lebih daripada kos penggabungan perniagaan berbanding kepentingan pemerolehan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dapat dikenal pasti. Bahagian muhibah kepentingan yang tidak dikawal tidak diiktiraf.

Dalam keadaan yang jarang berlaku apabila kepentingan pemerolehan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan peruntukan bagi liabiliti luar jangka yang oleh dikenal pasti melebihi kos gabungan, penilaian semula pengenpastian dan pengukuran aset, liabiliti dan peruntukan bagi liabiliti luar jangka dan pengukuran kos gabungan dilakukan, dan mengiktiraf dengan segera dalam untung atau rugi Kumpulan apa-apa kelebihan yang tersisa selepas penilaian semula.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.6 Muhibah dan Pembelian Tawar-menawar (sambungan)

Muhibah yang dibeli, termasuk muhibah apabila memperoleh kepentingan dalam anak syarikat atau syarikat bersekutu atau usaha sama, dilunaskan berdasarkan garis lurus selama sepuluh (10) tahun dan dikenakan ujian rosot nilai apabila terdapat tanda-tanda rosot nilai.

3.7 Pelaburan Hartanah

Kumpulan dan Perbadanan mengiktiraf tanah dan bangunan, termasuk hartanah yang sedang dibina, sebagai harta pelaburan sekiranya berada dalam objektif model perniagaan Kumpulan dan Perbadanan untuk memegang harta itu untuk kenaikan modal, pendapatan sewa atau kedua-duanya. Pelaburan hartanah diiktiraf pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan hartanah merangkumi harga pembelian ditambah semua perbelanjaan yang dapat diagihkan secara langsung.

Kumpulan dan Perbadanan menggunakan model nilai saksama untuk mengukur pelaburan hartanah sekiranya nilai saksama dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak semestinya. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang disebut harga, jika dapat diperhatikan. Perubahan nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia timbul.

Kumpulan dan Perbadanan menganggarkan nilai saksama dengan menggunakan laporan penilaian daripada Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta. Bagi pelaburan hartanah yang tidak mempunyai nilai saksama pada 31 Disember, pendekatan model kos digunakan.

Pelaburan hartanah pada kos disusut nilaikan pada asas garis lurus sepanjang jangka hayat seperti berikut:-

Tanah & Bangunan

99 tahun

Pelaburan hartanah tidak lagi diiktiraf apabila ia dilupuskan atau apabila tidak ada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian.

3.8 Tanah Dipegang Untuk Pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan belum dijalankan atau aktiviti pembangunan tidak diharapkan selesai dalam kitaran operasi normal. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak dengan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Tanah-tanah dalam hartanah untuk pembangunan dikelaskan semula sebagai hartanah dalam pembangunan ketika aktiviti pembangunan telah dimulakan dan ketika dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan dapat diselesaikan dalam kitaran operasi normal.

3.9 Hartanah Dalam Pembangunan

Hartanah dalam pembangunan terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut.

Apabila penjualan unit pembangunan dilaksanakan, contohnya setelah perjanjian jual beli individu ditandatangani, setelah bermulanya aktiviti pembangunan dan pembinaan dan keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan menggunakan kaedah peratusan siap. Peratusan siap diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan hartanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan hartanah.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.9 Hartanah Dalam Pembangunan (sambungan)

Apabila hasil daripada aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil pembangunan hartanah diiktiraf hanya setakat kos pembangunan hartanah yang dikeluarkan yang kemungkinan akan dapat dikembalikan dan kos pembangunan hartanah bagi unit pembangunan yang telah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung sepanjang tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Hartanah dalam pembangunan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset dan dinilai pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Lebihan hasil yang diiktiraf dalam penyata pendapatan berbanding inbois kepada pembeli ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak dalam penyata kedudukan kewangan dan lebihan daripada inbois kepada pembeli berbanding hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak dalam penyata kedudukan kewangan.

3.10 Kontrak Pembinaan

Perakaunan kontrak Kumpulan dan Perbadanan biasanya digunakan secara berasingan untuk setiap kontrak pembinaan dengan pelanggan. Walau bagaimanapun, apabila kontrak merangkumi sejumlah aset, pembinaan setiap aset dianggap sebagai kontrak yang terpisah apabila:

- (i) cadangan berasingan telah dikemukakan untuk setiap aset;
- (ii) setiap aset telah tertakluk kepada rundingan berasingan dan kontraktor dan pelanggan dapat menerima atau menolak bahagian kontrak yang berhubungan dengan setiap aset; dan
- (iii) kos dan pendapatan bagi setiap aset dapat dikenal pasti.

Sebaliknya, semua kontrak, sama ada dengan pelanggan tunggal atau dengan beberapa pelanggan, dianggap sebagai kontrak pembinaan tunggal apabila:

- (i) kontrak dirundingkan sebagai satu pakej;
- (ii) kontrak sangat berkait rapat sehingga pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada satu (1) projek dengan margin keuntungan keseluruhan; dan
- (iii) kontrak dilaksanakan secara serentak atau mengikut urutan berterusan.

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak yang berkaitan dengan kontrak pembinaan diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat penyediaan aktiviti kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Peratusan siap setiap aset telah tertakluk kepada rundingan berasingan, dan kontraktor dan pelanggan dapat menerima atau menolak sebahagian daripada kontrak yang berkaitan dengan setiap aset diukur dengan nisbah kos yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos.

Apabila hasil kontrak tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil diakui hanya sejauh kos kontrak berlaku yang akan dapat dipulihkan dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam jangka waktu terjadinya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.10 Kontrak Pembinaan (sambungan)

Apabila ada kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, rugi yang dijangkakan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera, dengan peruntukan yang sesuai untuk kontrak membebaskan.

Apabila hasil yang diiktiraf dalam penyata pendapatan kurang kerugian jangkaan yang diiktiraf melebihi bil peringkat siap sehingga tarikh kontrak dengan pelanggan, lebihan diiktiraf dan ditunjukkan sebagai jumlah hutang daripada pelanggan. Sebaliknya, apabila hasil yang diiktiraf dalam penyata pendapatan kurang daripada bil peringkat siap, kekurangan tersebut diiktiraf dan disajikan sebagai jumlah hutang kepada pelanggan.

3.11 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos yang lengkap dan jual. Kos merangkumi harga belian dan kos yang dapat diagihkan secara langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan mereka sekarang. Kos untuk hartanah yang tidak dijual diukur dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus. Nilai realisasi bersih ditentukan berdasarkan item demi item atau berdasarkan Kumpulan item serupa.

3.12 Kemerosotan Aset selain Inventori dan Aset Kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Sekiranya ada petunjuk seperti itu, amaun boleh pulih aset dianggarkan.

Apabila terdapat petunjuk bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi tidak mungkin untuk menganggarkan amaun boleh pulih aset individu, Kumpulan dan Perbadanan menganggarkan amaun boleh pulih unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai adalah lebih tinggi antara nilai saksama ditolak kos penjualan dan nilai sedang digunakan. Dalam menilai nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan ke nilai kini bersih menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa mengenai nilai masa wang dan risiko khusus untuk aset tersebut.

Sekiranya amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai lebih rendah daripada nilai dibawa, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan nilai dibawa ke amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai untuk unit penajaan tunai pertama kali diperuntukkan untuk mengurangkan nilai dibawa bagi mana-mana muhibah yang diperuntukkan kepada unit penajaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa yang lain pro rata berdasarkan nilai dibawa setiap aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai. Kerugian rosot nilai diiktiraf segera dalam untung atau rugi.

Nilai dibawa setiap aset dalam unit penajaan tunai tidak akan dikurangkan di bawah nilai saksama tolak kos perjualan, nilai sedang digunakan dan sifar yang mana lebih tinggi.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dari unit penajaan tunai ditarikbalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai ditarikbalikkan sehingga nilai dibawa aset yang tidak melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, setelah ditolak susut nilai, jika tidak ada kerugian rosot nilai yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya. Penarikbalikkan kerugian rosot nilai diiktiraf segera dalam untung atau rugi.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.13 Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai dalam penyata aliran tunai terdiri daripada wang tunai dan baki bank, deposit bank jangka pendek dan pelaburan jangka pendek yang sangat cair yang mempunyai jangka masa pendek tiga (3) bulan atau kurang dari tarikh perolehan, bersih daripada overdraf bank.

3.14 Kepentingan Tak Mengawal

Kepentingan tidak mengawal dalam anak syarikat yang dimiliki sebahagiannya mewakili bahagian aset bersihnya, selain muhibah, anak syarikat dan disajikan sebagai komponen ekuiti secara berasingan daripada ekuiti pemilik. Kepentingan tidak mengawal pada mulanya diukur pada bahagian tarikh pengambilalihan aset bersih selain muhibah pada tarikh pemerolehan dan kemudiannya disesuaikan untuk perubahan aset bersih anak syarikat selepas tarikh pemerolehan.

Kumpulan melayan perubahan dalam kepentingan mengawal induk terhadap anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai transaksi dengan pemegang ekuiti dalam kapasiti mereka sebagai pemegang ekuiti. Oleh itu, nilai dibawa kepentingan tidak mengawal diselaraskan untuk mencerminkan perubahan kepentingan mengawal induk terhadap aset bersih anak syarikat. Sebarang perbezaan antara jumlah dengan mana tidak mengawal diselaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan dengan pemilik badan induk.

3.15 Instrumen Kewangan

Aset kewangan

Kumpulan dan Perbadanan mengguna pakai pengiktirafan dan pengukuran MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan persembahan menurut Seksyen 11 dan 12 *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS).

(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset kewangan diiktiraf apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Perbadanan mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan tersebut.

(ii) Pengukuran seterusnya

(a) Aset kewangan diukur pada nilai semasa melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan diukur pada FVTPL sekiranya ia dipegang untuk dagangan termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan), pertimbangan bersyarat dalam kombinasi perniagaan atau aset kewangan yang telah ditetapkan khusus kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif yang dikaitkan dengan dan mesti diselesaikan dengan penyampaian instrumen ekuiti tidak disebut yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos.

Aset kewangan lain yang dikategorikan pada FVTPL kemudiannya dibawa pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Pelaburan dipegang hingga matang

Pelaburan dipegang hingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap bahawa Kumpulan dan Perbadanan mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang.

Pelaburan dipegang hingga matang kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.15 Instrumen Kewangan (sambungan)

(c) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang bukan aset kewangan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan (termasuk perdagangan dan penghutang lain dan tunai dan kesamaan tunai) yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang.

Pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

(d) Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain.

Aset kewangan sedia untuk dijual kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian rosot nilai, faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif, keuntungan dan kerugian pertukaran asing pada instrumen kewangan yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Pada penyahiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengkelasan semula.

(e) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Perbadanan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan jumlah pertimbangan yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak apa-apa liabiliti baru yang diambil alih) akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang timbul daripada perubahan nilai saksama dalam pelaburan ekuiti yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan dalam ekuiti apabila pelaburan ekuiti dinyahiktirafkan manakala keuntungan atau kerugian terkumpul timbul daripada perubahan nilai saksama dalam pelaburan hutang yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan ke untung atau rugi apabila pelaburan hutang dinyahiktirafkan.

Liabiliti Kewangan

(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Liabiliti kewangan diiktiraf apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Perbadanan mengukur liabiliti kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal liabiliti kewangan tidak pada FVTPL, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan terbitan liabiliti kewangan.

(ii) Pengukuran seterusnya

(a) Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas

Semua liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, kecuali liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai FVTPL.

Sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, dan melalui proses pelunasan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.15 Instrumen Kewangan (sambungan)

(b) Liabiliti kewangan sebagai FVTPL

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan di FVTPL jika mereka dipegang untuk perdagangan termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan), pertimbangan bersyarat dalam kombinasi perniagaan atau liabiliti kewangan yang khusus ditetapkan kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai FVTPL kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Walau bagaimanapun, liabiliti derivatif yang dikaitkan dengan dan mesti diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga disebut harga dalam pasaran aktif untuk instrumen yang sama yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan wajar, diukur pada kos.

(iii) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila obligasi di bawah liabiliti dimansuhkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan oleh yang lain dari pemberi pinjaman yang sama dengan istilah yang berlainan, atau syarat-syarat liabiliti sedia ada diubahsuai dengan substansial, pertukaran atau pengubahsuaian sedemikian dianggap sebagai penghapusan kewajipan asal dan pengiktirafan liabiliti baru.

Perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi.

3.16 Aset Cukai dan Liabiliti Cukai

Cukai yang perlu dibayar ditentukan oleh setiap entiti individu dalam Kumpulan. Cukai semasa untuk tempoh semasa dan sebelumnya, setakat yang belum dibayar, diiktiraf sebagai cukai peruntukan. Sekiranya jumlah yang telah dibayar bagi tempoh semasa dan sebelumnya melebihi jumlah yang perlu dibayar untuk tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai cukai boleh dituntut semula. Liabiliti cukai semasa (aset) diukur pada jumlah yang dijangka bayar (pulih) entiti menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali sejauh mana liabiliti cukai tertunda dari:

- (i) Pengiktirafan awal muhibah; dan
- (ii) Pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan dari gabungan perniagaan dan pada masa transaksi, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan juga keuntungan bercukai (atau kerugian cukai).

Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk perkara hartanah, loji & peralatan yang tidak layak untuk elaun modal dan perolehan aset tak ketara yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai. Walau bagaimanapun, perbezaan sementara bercukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak syarikat dan cawangan tidak diiktiraf jika Perbadanan atau entiti dalam Kumpulan dapat mengawal masa pembalikan bagi perbezaan sementara dan berkemungkinan perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.16 Aset Cukai dan Liabiliti Cukai (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf dengan menggunakan kaedah di atas perbezaan sementara iaitu perbezaan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Walaubagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira di atas perbezaan sementara seperti berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti di dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang semasa urus niaga tersebut dan bahawa tidak menjejaskan untung atau rugi perakaunan atau boleh cukai. Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk geran kerajaan tidak bercukai yang diterima dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pendapatan ke atas hartanah yang layak, loji dan peralatan. Walau bagaimanapun, bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan di dalam subsidiari dan cawangan, aset cukai tertunda diiktiraf setakat ini, dan hanya setakat yang ada, kemungkinan perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai boleh didapati di mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kerugian cukai belum digunakan bawa ke depan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia bagi merealisasikan kerugian cukai yang belum digunakan dan kredit cukai yang belum digunakan. Kredit cukai tidak digunakan tidak termasuk elaun pelaburan semula yang tidak diserap dan elaun cukai pelaburan yang tidak diserap kerana Kumpulan memperlakukan ini sebagai sebahagian daripada perbezaan pengiktirafan awal.

Cukai tertunda dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau yang digubal secara hakiki pada akhir tempoh laporan. Pengukuran cukai tertunda menggambarkan kesan cukai yang akan mengikut cara di mana sesuatu entiti dalam Kumpulan, pada akhir tempoh laporan, untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun dibawa aset atau liabiliti. Bagi hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, jika entiti pemilik dalam Kumpulan tidak mempunyai model perniagaan untuk memegang harta semata-mata untuk pendapatan sewa, liabiliti cukai tertunda ke atas keuntungan nilai saksama diukur berdasarkan anggapan bahawa harta itu dipulihkan melalui jualan pada akhir tempoh pelaporan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara. Aset cukai tertunda akan disemak semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap yang tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

Cukai semasa atau tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali jika cukai tersebut adalah daripada barangan yang diiktiraf di luar penyata untung rugi. Bagi perkara pendapatan atau perbelanjaan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, perbelanjaan cukai semasa atau tertunda atau pendapatan cukai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Bagi barangan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, kesan cukai yang berkaitan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Aset dan liabiliti cukai tertunda hasil daripada gabungan perniagaan, termasuk kesan cukai ke atas sebarang pelarasan nilai saksama, diiktiraf sebagai sebahagian daripada aset bersih yang diambil alih.

3.17 Geran Kerajaan Tertunda

Geran yang belum mematuhi syarat yang ditetapkan diiktirafkan sebagai liabiliti dan hanya diiktiraf sebagai pendapatan apabila semua syarat yang ditetapkan dipenuhi. Geran yang tidak dikenakan sebarang syarat, diiktiraf sebagai pendapatan apabila geran diterima. Geran diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau belum diterima.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.18 Pengiktirafan Dan Pengukuran Pendapatan

Kumpulan dan Perbadanan mengukur hasil daripada jualan barangan atau transaksi perkhidmatan pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima, yang selalunya ialah harga invois, bersih daripada sebarang diskaun perdagangan dan rebat yang diberikan kepada pelanggan. Untuk kontrak berbilang elemen dengan pelanggan, nilai saksama balasan yang akan diterima diperuntukkan kepada elemen yang boleh dikenal pasti pada kadar sama dengan harga jualan relatif.

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila:

- (i) Kumpulan dan Perbadanan telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran pemilikan barangan;
- (ii) Kumpulan dan Perbadanan tidak mengekalkan penglibatan pengurusan yang berterusan ke satu tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan atau kawalan yang berkesan ke atas barangan yang dijual;
- (iii) jumlah pendapatan boleh dikira dengan pasti;
- (iv) manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir kepada Kumpulan dan Perbadanan; dan
- (v) kos yang ditanggung atau yang akan ditanggung berkenaan dengan urusan niaga boleh dikira dengan pasti.

Hasil daripada transaksi perkhidmatan diiktiraf apabila:

- (i) jumlah pendapatan boleh dikira dengan pasti;
- (ii) manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir kepada Kumpulan dan Perbadanan;
- (iii) tahap penyiapan urusan niaga pada akhir tempoh pelaporan boleh dikira dengan pasti; dan
- (iv) kos yang ditanggung atau yang akan ditanggung berkenaan dengan urusan niaga boleh dikira dengan pasti.

Untuk perkhidmatan pembinaan atau kontrak perkhidmatan hartanah dengan pelanggan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, apabila hasil kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf dari masa ke semasa dengan merujuk kepada peringkat penyiapan kontrak pada akhir tempoh laporan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap penyiapan adalah nisbah kos yang ditanggung sehingga kini kepada anggaran jumlah kos kontrak. Apabila kesudahan kontrak perkhidmatan tidak boleh dianggarkan secara pasti, hasil diiktiraf hanya setakat perbelanjaan diiktiraf.

Pendapatan lain-lain Kumpulan dan Perbadanan, yang dibentangkan secara berasingan daripada hasil, diiktiraf menggunakan asas berikut:

- (i) Pendapatan faedah dan pendapatan dividen daripada instrumen hutang diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah efektif;
- (ii) Pendapatan sewaan daripada pelaburan hartanah diiktiraf mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh perjanjian penyewaan yang berkenaan; dan
- (iii) Dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak Kumpulan, sebagai pemegang saham, ditubuhkan, yang merupakan tarikh dividen sah.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.19 Manfaat Pekerja

(i) **Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Gaji pokok, bonus, elaun bantuan sara hidup, elaun khidmat awam dan elaun perumahan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran dimasa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) **Pelan Caruman Wajib**

Perbadanan membuat sumbangan bulanan sebanyak 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang layak kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebagai pencen. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia tertanggung. Kumpulan dan Perbadanan juga membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") menurut peruntukan undang-undang Malaysia.

(iii) **Manfaat Pemberhentian**

Kumpulan dan Perbadanan akan membayar manfaat pemberhentian apabila kakitangan ditamatkan perkhidmatannya sebelum tamat tempoh persaraannya atau apabila kakitangan itu menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran manfaat ini. Kumpulan dan Perbadanan mengiktiraf manfaat pemberhentian apabila ia komited sama ada menamatkan perkhidmatan pekerja sedia ada mengikut pelan rasmi terperinci tanpa ada kemungkinan penarikan semula dibuat atau menyediakan manfaat pemberhentian hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela.

3.20 Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Kumpulan menunjukkan obligasi yang sah dari segi undang-undang dan berdasarkan dari transaksi-transaksi yang lepas, yang memungkinkan aliran keluar sumber-sumber diperlukan untuk melangsai obligasi tersebut, dan bila anggaran munasabah bagi jumlah tersebut dapat dibuat.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan.

Peruntukan diukur pada nilai kini perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dengan menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan nilai masa wang dan risiko yang hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Pelepasan diskaun diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

3.21 Kos Pinjaman

Kos pinjaman Kumpulan dan Perbadanan termasuk faedah ke atas pinjaman dan perbelanjaan faedah bagi instrumen hutang lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi pada tempoh kos ditanggung menggunakan kaedah faedah efektif.

3.22 Pengukuran Nilai Saksama

Untuk aset, liabiliti dan instrumen ekuiti yang memerlukan pengukuran atau pendedahan nilai saksama, Kumpulan menubuhkan hierarki pengukuran nilai saksama yang memberikan keutamaan tertinggi kepada harga dalam pasaran aktif untuk aset, liabiliti atau instrumen ekuiti yang serupa dan keutamaan paling rendah untuk input yang tidak dapat diperhatikan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

3.22 Pengukuran Nilai Saksama (sambungan)

Pengukuran nilai saksama bagi butiran dianggarkan menggunakan harga dalam pasaran yang aktif jika harga tersebut boleh diperhatikan. Pasaran yang aktif adalah pasaran utama bagi aset atau liabiliti atau, dalam ketiadaan pasaran utama, pasaran yang paling berfaedah untuk aset atau liabiliti, dan di mana Kumpulan boleh membuat transaksi bagi aset atau liabiliti pada harga pasaran pada tarikh pengukuran.

Dalam ketiadaan harga pasaran yang aktif, nilai saksama sesuatu item dianggarkan berdasarkan kaedah penilaian yang ditetapkan dengan menggunakan input daripada pasaran yang dapat diperhatikan bagi keseluruhan tempoh aset atau liabiliti yang ketara.

Dalam ketiadaan kedua-dua harga pasaran dan input yang boleh diperhatikan, satu ukuran nilai saksama bagi sesuatu item dianggarkan berdasarkan kaedah penilaian yang ditetapkan dengan menggunakan input yang tidak dapat diperhatikan, termasuk andaian dalaman yang dibangunkan yang munasabah dan dapat disokong.

4. MAKLUMAT BERKAITAN SUMBER UTAMA DALAM MEMBUAT ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN KETIDAKPASTIAN

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan seperti yang berikut:-

Sumber Utama Yang Tiada Kepastian Anggaran

Kumpulan membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan mengikut definisi dan jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa ke hadapan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah seperti di bawah:-

(i) Nilai Saksama Pelaburan Hartanah

Nilai saksama pelaburan hartanah yang diperolehi daripada harga pasaran semasa harta setanding sebenar. Nilai saksama adalah berdasarkan penilaian yang dibuat Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta.

(ii) Cukai Semasa Dan Tertunda

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam pelbagai bidang kuasa. Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan bagi setiap bidang kuasa. Terdapat banyak transaksi dan pengiraan di mana penentuan cukai muktamad adalah tidak pasti. Kumpulan mengiktiraf tanggungan bagi isu cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan perlu dibayar. Di mana cukai akhir berhubung perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang dicatatkan pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada aset dan / atau liabiliti cukai semasa dan / atau tertunda dalam tempoh kewangan dimana penentuan tersebut dibuat.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan elaun pelaburan semula yang tidak digunakan boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan penting mengenai prestasi kewangan masa depan Kumpulan, kemungkinan waktu dan tahap keuntungan boleh cukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa depan untuk menyokong asas pengiktirafan aset cukai tertunda.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

KUMPULAN	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan & Pembaharuan Pejabat RM	Kenderaan RM	Loji & Jentera RM	Peralatan, Perabut & Kelengkapan RM	Kerja Dalam Pelaksanaan RM	Komputer RM	Jumlah RM
Kos								
Pada 1 Januari 2020	2,162,493	27,970,404	3,717,980	57,654,170	79,776,199	104,569	9,296,474	180,682,289
Tambahan	-	17,481	185,664	-	415,430	3,725,919	316,961	4,661,455
Pindahan / Pelarasan	(34,532)	2,725,069	-	828,393	16,910	(3,553,462)	4,090	(13,532)
Penjualan Anak Syarikat	-	(252,284)	(66,510)	-	(185,659)	-	(191,306)	(695,759)
Jualan / Hapuskira	-	(44,094)	(159,800)	-	(156,257)	(1,414)	(571,503)	(933,068)
Pada 31 Disember 2020	2,127,961	30,416,576	3,677,334	58,482,563	79,866,623	275,612	8,854,716	183,701,385
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2020	552,942	12,885,832	3,309,275	52,790,069	78,719,885	-	8,555,584	156,813,587
Tambahan	(92,054)	703,325	197,910	803,574	267,798	-	266,201	2,146,754
Pindahan / Pelarasan	(9,409)	-	-	-	-	-	-	(9,409)
Penjualan Anak Syarikat	-	(109,524)	(66,510)	-	(111,647)	-	(101,887)	(389,568)
Jualan / Hapuskira	-	(44,093)	(159,799)	-	(120,176)	-	(567,755)	(891,823)
Pada 31 Disember 2020	451,479	13,435,540	3,280,876	53,593,643	78,755,860	-	8,152,143	157,669,541
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2020	1,676,482	16,981,036	396,458	4,888,920	1,110,763	275,612	702,573	26,031,844
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2019	1,609,551	15,084,572	408,705	4,864,101	1,056,314	104,569	740,890	23,868,702

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. HARTANAH, LOJI & PERALATAN (sambungan)

PPPP	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan & Pengubahsuaian Pejabat RM	Kenderaan RM	Loji & Jentera RM	Peralatan, Perabut & Kelengkapan RM	Kerja Dalam Pelaksanaan RM	Komputer RM	Jumlah RM
Kos								
Pada 1 Januari 2020	896,051	21,399,125	1,809,186	41,505,330	74,872,092	-	8,017,501	148,499,285
Tambahan	-	-	185,664	-	381,670	2,921,493	265,958	3,754,785
Pelarasan	(34,532)	2,725,069	-	-	21,000	(2,725,069)	-	(13,532)
Jualan / Hapuskira	-	(44,094)	(159,800)	-	(149,418)	-	(551,365)	(904,677)
Pada 31 Disember 2020	861,519	24,080,100	1,835,050	41,505,330	75,125,344	196,424	7,732,094	151,335,861
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2020	60,496	9,683,901	1,623,952	41,505,327	74,030,382	-	7,488,018	134,392,076
Tambahan	8,994	587,648	91,647	-	208,707	-	190,805	1,087,801
Pelarasan	(9,409)	-	-	-	-	-	-	(9,409)
Jualan / Hapuskira	-	(44,093)	(159,799)	-	(113,337)	-	(547,622)	(864,851)
Pada 31 Disember 2020	60,081	10,227,456	1,555,800	41,505,327	74,125,752	-	7,131,201	134,605,617
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2020	801,438	13,852,644	279,250	3	999,592	196,424	600,893	16,730,244
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2019	835,555	11,715,224	185,234	3	841,710	-	529,483	14,107,209

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

6. TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN

	KUMPULAN / PPPP	
	2020 RM	2019 RM
Tanah - Pada Kos		
Pada 1 Januari	1,537,873,688	1,517,627,775
Tambahan	455,445	20,245,913
Pelarasan	(97,260,886)	-
Pada 31 Disember	1,441,068,247	1,537,873,688

Tanah dipegang untuk pembangunan yang berjumlah RM984.24 juta (2019: RM984.24 juta) telah dicagarkan kepada bank berlesen untuk kemudahan kredit seperti dinyatakan dalam Nota 25 kepada penyata kewangan.

7. PELABURAN HARTANAH PADA NILAI SAKSAMA

	KUMPULAN		PPPP	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Pada 1 Januari	1,172,233,781	1,167,918,056	1,162,903,781	1,158,821,056
Tambahan	210,072	996,219	7,960,072	996,219
Pelarasan	(88,500)	(12,601)	(88,500)	(12,601)
Pindahan Dari / (Ke):				
- Harta Dalam Pembangunan	-	(1,757,310)	-	(1,757,310)
- Barangniaga	716,905	-	-	-
- Pelaburan Hartanah (Kos)	31,663,540	23,193,126	31,663,540	23,193,126
Keuntungan Pelarasan Nilai Saksama	33,232,583	(18,103,709)	31,749,488	(18,336,709)
Pada 31 Disember	1,237,968,381	1,172,233,781	1,234,188,381	1,162,903,781

Pelaburan hartanah dinilai secara tahunan pada nilai saksama oleh Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta. Manakala bagi pelaburan hartanah yang tidak mempunyai nilai saksama pada 31 Disember, pendekatan model kos telah digunapakai.

PPPP telah mendapat suratan hakmilik tanah bagi tapak Komtar Walk daripada Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut pada 26 April 2021.

8. PELABURAN HARTANAH PADA NILAI KOS

	KUMPULAN / PPPP		
	Tanah & Bangunan RM	Kerja Dalam Peraksanaan RM	Jumlah RM
2020			
Kos			
Pada 1 Januari	1,853,205	7,118,237	8,971,442
Tambahan	-	26,000,941	26,000,941
Pindahan dari Aset Tetap	-	25,123	25,123
Pindahan ke Pelaburan Hartanah (Nilai Saksama)	(1,853,205)	(31,663,439)	(33,516,644)
Pada 31 Disember	-	1,480,862	1,480,862

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

8. PELABURAN HARTANAH PADA NILAI KOS (sambungan)

	KUMPULAN / PPPP		
	Tanah & Bangunan RM	Kerja Dalam Perlaksanaan RM	Jumlah RM
Susut Nilai Berkumpul			
Pada 1 Januari	1,853,104	-	1,853,104
Pindahan Ke Pelaburan Hartanah (Nilai Saksama)	(1,853,104)	-	(1,853,104)
Pada 31 Disember	-	-	-
Nilai Buku Bersih	-	1,480,862	1,480,862

2019

Kos

Pada 1 Januari	2,381,059	12,081,833	14,462,892
Tambahan	-	18,111,992	18,111,992
Pindahan Ke Pelaburan Hartanah (Nilai Saksama)	(527,854)	(23,075,588)	(23,603,442)
Pada 31 Disember	1,853,205	7,118,237	8,971,442

Susut Nilai Berkumpul

Pada 1 Januari	2,250,224	-	2,250,224
Tambahan	13,196	-	13,196
Pindahan Ke Pelaburan Hartanah (Nilai Saksama)	(410,316)	-	(410,316)
Pada 31 Disember	1,853,104	-	1,853,104
Nilai Buku Bersih	101	7,118,237	7,118,338

Kerja Dalam Perlaksanaan

Komitmen Perbelanjaan Modal

- bagi kontrak tetapi tidak diperuntukan

KUMPULAN / PPPP	
2020 RM	2019 RM
-	14,310,286

9. ASET TIDAK KETARA

	KUMPULAN / PPPP	
	2020 RM	2019 RM
Kos		
Pada 1 Januari	2,289,985	2,266,666
Tambahan	7,812	67,119
Pelupusan	-	(43,800)
Pada 31 Disember	2,297,797	2,289,985

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

9. ASET TIDAK KETARA (sambungan)

	KUMPULAN / PPPP	
	2020	2019
	RM	RM
Pelunasan Berkumpul		
Pada 1 Januari	2,206,317	2,204,062
Tambahan	22,844	46,054
Pelupusan	-	(43,799)
Pada 31 Disember	<u>2,229,161</u>	<u>2,206,317</u>
Nilai Buku Bersih	<u>68,636</u>	<u>83,668</u>

Pelunasan aset tidak ketara berjumlah RM22,844 (2019: RM46,054) diiktirafkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif di bawah perbelanjaan pentadbiran.

10. PELABURAN ANAK SYARIKAT

	PPPP	
	2020	2019
	RM	RM
Saham Pada Kos		
Pada 1 Januari	64,085,004	64,085,006
Jualan Pelaburan	(1,000,002)	(2)
Pada 31 Disember	<u>63,085,002</u>	<u>64,085,004</u>
Rosot Nilai Berkumpul		
Pada 1 Januari	2	4
Penarikbalikan Rosot Nilai	-	(2)
Pada 31 Disember	<u>2</u>	<u>2</u>
Nilai Buku Bersih	<u>63,085,000</u>	<u>64,085,002</u>

Anak-anak syarikat Perbadanan adalah seperti berikut:-

	Ekuiti Perbadanan		Kegiatan Utama
	2020	2019	
	(%)	(%)	
Island Golf Properties Sdn Bhd	100	100	Kelab sukan dan rekreasi
PDC Premier Holdings Sdn Bhd	100	100	Pegangan pelaburan dan perkhidmatan perundingan
